



(https://www.upm.edu.my)

Selamat Datang Ke Laman Portal

Universiti Putra Malaysia



(https://www.malaysia.gov.my/portal/index)

🏠 (/) » BERITA (/BERITA) » 487 peserta sertai Webinar Antarabangsa

Senarai Berita (/berita)

487 peserta sertai Webinar Antarabangsa

Oleh: Prof. Madya Dr. Siti Suriawati Isa dan Noor Habibah Daud

LIHAT JUGA



Tenaga solar guna gentian enau
 (/berita
 /tenaga_solar_guna_gentian_enau-
 59292)



487 peserta sertai Webinar
 Antarabangsa (/berita
 /487_peserta_sertai_webinar_antaraba-
 ngsa-59237)



Pelajar UPM hasilkan 'face shield'
 untuk Hospital Tawau (/berita
 /pelajar_upm_hasilkan_face_shield_unt-
 uk_hospital_tawau-59222)

INTERNATIONAL WEBINAR ON STUDENT DEVELOPMENT

GET RICH & BE HAPPY
 "MONEY & HEALTH"

By **Abang Abu**
The Money Mechanic
 CEO New Asia International Sdn Bhd

Moderator
 Assoc. Prof. Dr. Siti Suriawati Isa
 Deputy Director of Co-Curriculum & Development Centre, UPM

Student Commentator
 Muhammad Daniel Iskandar

Date **2ND Nov 2020**
Monday

Time **2:00 PM**
 (Malaysia Time)

For inquiries please contact:
Miss Shazleen
shazleen@upm.edu.my

Open and free for all! Come and join us.
 E-certificate will be emailed to all participants.

Join Zoom Meeting
 Meeting ID: 991 8518 0904
 Passcode: Abang Abu

Registration
https://docs.google.com/forms/d/e/1FAIpQLSd8ozEYgc99nXtW4B-njqUvdH6RI3dtx_Naw7EeDuc0-4fBAQ/viewform?usp=pp_url

03-9769 8558/8559 | pkk.upm.edu.my | facebook.com/CSDCUpm | @CSDCUpm | instagram.com/csdcupm

PERTANIAN • INOVASI • KEHIDUPAN

BERILMU BERBAKTI
 WITH KNOWLEDGE WE SERVE



Universiti Putra Malaysia
 43400 UPM Serdang
 Selangor Darul Ehsan
 ☎ +603-9769 1000
 📠 ---
 @ marketing@upm.edu.my
 (mailto:marketing@upm.edu.my)

SERDANG, 2 Nov - Pusat Kokurikulum dan Pembangunan Pelajar (PKPP), Universiti Putra Malaysia (UPM) mencipta pembaharuan dalam usaha pembangunan pelajar khususnya melahirkan pelajar celik kewangan dengan menganjurkan Program *International* secara atas talian.

Program mendapat sambutan hebat dengan 487 penyertaan mewakili pelbagai universiti dan agensi dari 23 buah negara di seluruh dunia melalui aplikasi Zoom, manakala 37 peserta menyaksikannya melalui Facebook live PKPP UPM.

Antara peserta antarabangsa yang mengambil bahagian adalah dari Afghanistan, Arab Saudi, Filipina, Ghana, India, Jordan, Indonesia, Kazakhstan, Nigeria, Pakistan, Singapura, Somalia, Syria, Sudan dan Uzbekistan.

Sambutan menggalakkan diterima membuktikan bahawa pendidikan kewangan yang menjadi fokus webinar antarabangsa adalah salah satu pendidikan yang diperlukan oleh masyarakat global terutama di waktu dunia sedang menangani krisis pandemik COVID-19.



Dalam menyampaikan hasrat untuk melahirkan pelajar yang mempunyai pendidikan pengurusan kewangan yang baik sebelum bergraduat, PKPP menjemput Mekanik Wang atau lebih dikenali sebagai Abang Abu sebagai penceramah utama.

Pemilihan itu adalah berdasarkan kepakaran beliau dalam bidang pengurusan kewangan serta pelbagai pengiktirafan yang diterimanya di peringkat antarabangsa seperti *Financial Education Instructor* oleh *National Financial Educators Council* dan juga diiktiraf sebagai *Most Innovative Financial Educator and Speaker South East Asia 2018*.

Webinar antarabangsa ini turut melibatkan pelajar UPM sebagai komentator pelajar, manakala moderatorinya adalah Timbalan Pengarah PKPP, Prof. Madya Dr. Siti Suriawati Isa.

Pengarah PKPP, Prof. Madya Dr. Nur Izura Udzir berkata program itu adalah suatu pendekatan baharu dan pendedahan awal untuk memberi penerangan, pengetahuan dalam aspek kepemimpinan kewangan dalam kalangan pelajar universiti agar masyarakat muda dapat memahami dan menjaga pengurusan kewangan dengan baik secara berterusan.

"Program ini juga bertujuan membentuk keperibadian yang tinggi dan sangat besar impaknya kepada kemajuan negara dalam melahirkan masyarakat yang celik wang bermula ketika pengajian di institusi pengajian sebelum bergelar graduan yang akan menempuhi dunia realiti kelak," katanya.

Tahun 2020 amat mencabar serta memberi impak jangka pendek dan jangka panjang kepada dunia kerana seluruh dunia ternyata tidak bersedia menangani wabak pandemik yang tidak dijangkakan itu, seperti yang ditegaskan Ketua Pengarah Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), Dr. Tedros Adhanom pada awal tahun ini.



B1606104381

BM

Entiti Kami

Dokumen

Newsletter

Tetapan



Sehubungan itu, Prof. Madya Dr. Nur Izura berkata, institusi pengajian perlu memperkukuhkan lagi kebersediaan bagi memperkasakan cara pembelajaran dan pengajaran dalam memastikan ekosistem para pelajar tidak keciciran serta sentiasa terpelihara dan harmoni.

Katanya, pelbagai aspek dalam penjagaan kebijakan holistik para mahasiswa perlu diteliti dan dinilai semula disebabkan norma baharu yang perlu diikuti oleh masyarakat.

Di dalam kemelut pandemik Covid 19 terselit sisi positifnya apabila pelbagai penyelesaian baharu yang kreatif dan inovatif telah muncul. Webinar antarabangsa satu daripada contohnya apabila penganjuran acara antarabangsa dapat dijalankan ketika hampir semua negara menutup pintu sempadan daripada menerima kemasukan rakyat negara lain.

Antara lain tujuan penganjuran webinar ini adalah untuk mengukuhkan kebolehpasaran graduan dalam dunia kerjaya dan membantu mahasiswa untuk berfikir positif apabila berhadapan dengan pelbagai cabaran sewaktu pengajian di universiti.

Mereka juga didedahkan dengan cara menguruskan kewangan dengan lebih berkesan. Pelajar yang berminat dalam bidang keusahawanan disarankan mengamalkan 4Q oleh penceramah kedua Muhammad Daniel yang juga pelajar tahun tiga di Fakulti Pertanian, UPM. 4Q itu ialah; 1. *Intelligence quotient*, 2. *Emotional quotient*, 3. *Spiritual quotient* dan 4. *Physical quotient*.

4Q itu penting untuk menentukan kejayaan seseorang individu kerana ia merupakan ciri-ciri yang utama di dalam meningkatkan kualiti individu.

PKPP UPM adalah antara pusat kokurikulum dan pembangunan pelajar universiti awam di Malaysia yang terawal menganjurkan webinar antarabangsa. - UPM

Tarikh Input: 17/11/2020 | Kemaskini: 17/11/2020 | hairul_nizam

PERKONGSIAN MEDIA

(https://www.addtoany.com/share?url=https%3A%2F%2Fwww.upm.edu.my%2Fberita%2F487_peserta_sertai_webinar_antarabangsa-59237&title=487%20Peserta%20Sertai%20Webinar%20Antarabangsa%20%7C%20Universiti%20Putra%20Malaysia)
 (/#facebook) (/#twitter) (/#linkedin) (/#email) (/#copy_link)
 (/#wordpress) (/#print)

HUBUNGI KAMI	PERKHIDMATAN DALAM TALIAN	PAUTAN LUAR	PAUTAN PANTAS
Universiti Putra Malaysia 43400 UPM Serdang Selangor Darul Ehsan MALAYSIA +603-9769 1000 marketing@upm.edu.my TALIAN KECEMASAN BAHAGIAN KESELAMATAN UPM (24 JAM) 03-9769 7990 03-9769 7470 03-9769 1999	Sistem Permohonan ke Luar Negara (http://bursar1.upm.edu.my/spln/) Sistem Ilmu Sumber Manusia (SISMAN) (http://www.sisman.upm.edu.my/) KM Portal (http://km.upm.edu.my/kmportalweb/portal/render.action?method=home) Jawatan Kosong (http://spj.upm.edu.my/) Sistem Baik Pulih ICT (http://zonict.upm.edu.my/) Putra Learning Hub (http://learninghub.upm.edu.my/) Sistem Pengurusan Perubatan (http://reg.medic.upm.edu.my/) Sistem E-Claim (http://eclaims.upm.edu.my/login/) i-GIMS (staff) (http://www.sps.upm.edu.my:8080/igims/index.jsp) i-GIMS (pelajar poscasiswazah) (http://sgsportal.upm.edu.my:8080/sgsportal/) Sistem Maklumat Pelajar (pelajar poscasiswazah) (http://smp.upm.edu.my/smp/action/security/loginSmpSetup)	Kementerian Pendidikan Malaysia (http://www.moe.gov.my/) Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) (http://www.ptptn.gov.my/) Multimedia Super Corridor (https://mdcc.my/msc-malaysia/) Portal myGovernment (https://www.malaysia.gov.my/en/home) Agensi Kelayakan Malaysia (http://www.mqg.gov.my/)	FAKULTI / PTJ / PENTADBIRAN (entiti) Statistik Transaksi Laman Web (http://www.upm.edu.my/statistik) Tender & Kontrak (http://etender.upm.edu.my/) Laporan Piagam Pelanggan (http://www.upm.edu.my/mengenal_kami/maklumat_korporat/piagam_pelanggan-8202) Dasar UPM (http://www.pnc.upm.edu.my/mengenal_kami/dasar_universiti-5601) Sistem Pengurusan ISO (http://reg.upm.edu.my/spk_upm/) Dana Wakaf Ilmu (http://www.wazon.upm.edu.my) Penerbitan UPM (http://www.upm.edu.my/kandungan/Penerbitan_UPM-29859) Takwim UPM 2020 (https://www.upm.edu.my/upload/dokumen/20200218095115TAKWIM_UPM_2020-2.pdf) UPM Flywire (https://landing-pages.flywire.com/landing/upm)
			PUTRA UGroup (http://www.putra.upm.edu.my/) PORTAL PENTABIRAN (http://portal.upm.edu.my/) PERTANIKAJURNAL (http://www.pertanika.upm.edu.my/) UPM IIR (http://www.psasir.upm.edu.my/) IGIMS Student (http://sgsportal.upm.edu.my:8080/sgsportal/) e-ISO (http://reg.upm.edu.my/eISO/) CE RATING HUB (http://www.learninghub.upm.edu.my/) Student Page SMP (https://smp.upm.edu.my/) e-claim (http://eclaims.upm.edu.my/login/) email@upm (http://emel.upm.edu.my/)

Dasar Privasi (/footnote/dasar_privasi-29949) Hakcipta (/footnote/hakcipta-29950) RSS (/rss) © 2020 Universiti Putra Malaysia
Penafian (/footnote/penafian-29938) Bantuan (/footnote/bantuan-29937)
UPM online (/footnote/upm_online-38695)
Dasar Keselamatan (/footnote/dasar_keselamatan-29939)



LANGGAN MELALUI EMAIL HANTAR

BM ▾

Entiti Kami

Dokumen

Newsletter



Tetapan